

Perkembangan Islam di Negeri China

Jasa Islam Kepada China

(4)

Oleh: Haji Ibrahim T.Y. Ma (diterjemahkan dari Bahasa Inggeris oleh A. B. Husni)

8. Pemberontakan di Yunnan: 1846-1896

Ketika tentera-tentera pemerintah sedang sibuk menghadapi kekacauan-kekacauan di Turkistan timur, bibit-bibit kebencian telah tumbuh pula di daerah selatan iaitu Yunnan. Dapat kita nyatakan bahawa nyala-nyala api kecil pemberontakan sudah ada kelihatan dalam tahun 1846 ketika orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam bertempur merebut lombong-lombong timah di Fao Shan. Gabenor bekerjasama dengan ketua jajahannya bermuafakat hendak membunuh semua orang-orang Islam dalam daerah itu. Dengan jalan rahsia mereka memerintahkan orang-orang bukan Islam supaya memperbuat tanda-tanda istimewa pada pintu-pintu rumah mereka dan pada malam yang ditentukan tentera diperintahkan masuk ke dalam kota dan membunuh semua penduduk, yang tak ada mempunyai tanda pada pintu rumahnya dengan tidak memilih bulu, wanita atau kanak-kanak.

Tu Wen-shiu, seorang yang terpelajar diutus dalam tahun 1847 ke Peking untuk memperbuat permohonan kepada Maharaja; Maharaja mengiriskan Lin Chi Hsu (iaitu orang yang telah merampas candu dari kapal Inggeris dalam tahun 1840 di Canton) ke tempat kekacauan itu. Siasahnya adalah baik dan jujur dengan pendirian keadilan yang benar dengan tidak menghiraukan agama yang dianut oleh orang yang bersalah. Kekacauan itu dapat diberhentikan tetapi tidak untuk masa yang lama. Peperangan yang besar pecah kembali dalam tahun 1857 di Kunming, ibu kota Yunnan. Toh Wen Hsiu diangkat menjadi

pemimpin dengan beberapa banyak orang yang lain lagi dalam daerah itu, hal ini beerti pemberontakan dari 6 juta rakyat; mereka ini dengan mudah dapat berkuasa di sana dalam tempoh beberapa bulan sahaja. Gabenor dengan orang-orang besarnya menyerah diri kepada tentera pemberontak itu. Dalam pemberontakan yang pertama orang-orang Islam memakai cogan: "Hancurkan orang-orang Manchu dan tegakkan keturunan Ming" tetapi dalam pemberontakan kali ini di Yunnan, cogan itu berubah menjadi "Hancurkan orang-orang Manchu" sahaja dengan menafikan perkataan "tegakkan keturunan Ming". Tu Wen-shiu mendapat sokongan banyak dari orang-orang Han yang bukan Islam dan orang-orang asli Yunnan yang bekerjasama dengan orang-orang Revolusioner Taiping melawan terhadap pemerintahan Manchu. Tu Wen-shiu bergelar "Sultan Sulaiman" dan bertakhta selama 17 tahun di "Da Li". Akhirnya orang-orang Manchu mempergunakan muslihat-muslihat yang lain yakni membangkitkan dan mempergunakan semangat kecemburuan di antara pemimpin-pemimpin orang Islam. Kembali lagi orang-orang Manchu mendapat hasil baik, olah kerana Jeneral Ma Rulong menyerah kepada pemerintah dan memerangi kembali orang-orang Islam. Peperangan ini berakhir pada tahun 1869 akan tetapi Baharulah dalam tahun 1874 seluruh Yunnan dapat ditaklukkan kembali oleh pemerintah Manchu. 5 juta rakyat yang terkorban.

(bersambung)